

07 OCT 2002

Mahathir-Bilal

KERAJAAN RUJUK KES PERMINTAAN AMERIKA SYARIKAT KEPADA AG

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan sudah merujuk kes Ahmed Ibrahim Bilal kepada Jabatan Peguam Negara (AG) untuk melihat daripada segi perundangan terhadap permintaan Amerika Syarikat supaya lelaki itu diserahkan kepada negara itu.

Beliau berkata kerajaan akan menjalankan siasatan sendiri untuk melihat sama ada tuduhan ke atas Ahmed Ibrahim berasas atau tidak sebelum mengambil sebarang tindakan.

Ibrahim, yang sedang melanjutkan pelajaran di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), adalah antara enam orang yang dikehendaki oleh Amerika berhubung dakwaan bersubahat melancarkan perang ke atas Amerika dan memberikan sokongan kepada rangkaian Al-Qaeda.

"Kita ada cara tertentu tangani masalah. Sebab itu perkara ini telah dirujuk kepada AG kerana kita tidak ada peraturan ekstradisi dengan US," katanya pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Ketua-Ketua Audit Negara Komanwel ke-18 di sini hari ini.

"Kalau kita nak serah orang itu pada Amerika kita kena tahu orang itu bersalah atau tidak. Apa hak Amerika suruh kita serah kepada mereka. Semua ini kita kena telitilah. Kita buat selalu ikut undang-undang," katanya.

Ketika ditanya mengenai perkembangan Puteri Umno, Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata setiap anggota Umno bebas membuat laporan polis sekiranya didapati ada kesalahan dilakukan oleh sesiapa juga.

Bagaimanapun, ia tidak seharusnya dilakukan dengan niat untuk kepentingan politik, katanya ketika ditanya mengenai tindakan seorang anggota Puteri Umno Zalilah Yusof membuat laporan polis terhadap Ketua Penaja Puteri, Azalina Othman Said berhubung dakwaan penyelewengan.

"Dia jumpa saya, dia kata ada kesalahan (dilakukan Azalina). Saya kata kalau ada kesalahan kena pergi (lapor) kepada polis. Ini kesalahan lain, bukan kesalahan politik.

"Tapi bila nak bertanding untuk ketua bahagian, kita tiba-tiba keluarkan itu dan buat kenyataan akhbar... itu tak kenalah," kata Dr Mahathir.

Ditanya mengenai ramai calon mengemukakan diri untuk bertanding jawatan ketua Puteri Umno, beliau berkata pergerakan itu masih baru dan semestinya mempunyai masalah di peringkat permulaan penubuhannya.

Selain Azalina, yang turut menawarkan diri untuk merebut jawatan itu ialah Mastina Hamid, Raihan Suleiman, Mazibah Mohd Zain dan Ummi Hafilda Ali.

Azalina setakat ini memperolehi 109 pencalonan bagi pemilihan pergerakan itu pada 1 Nov ini manakala yang lain belum menerima sebarang pencalonan.

-- BERNAMA

AZH KK AHH NMO